

Bil. S 41

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA IMIGRESEN (PINDAAN), 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
2. Penggantian bab 36 dari Penggal 17

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA IMIGRESEN (PINDAAN), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli, Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Imigresen (Pindaan), 2020.

Penggantian bab 36 dari Penggal 17

2. Bab 36 dari Akta Imigresen adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kembali secara haram selepas diusir

36. Mana-mana orang yang, setelah diusir ataupun dihantar keluar secara sah dari Negara Brunei Darussalam di bawah Akta ini dan mana-mana orang, selain dari seseorang yang berhak untuk memasuki Negara Brunei Darussalam di bawah bab 7(1), setelah diusir ataupun dihantar keluar secara sah dari mana-mana wilayah dalam Komanwel, memasuki atau bermastautin di Negara Brunei Darussalam tanpa kebenaran bertulis daripada Pengawal di bawah bab ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$6,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali, dan disebat tidak kurang dari 3 kali sebatan secara kumulatif, dan, selain dari sebarang hukuman bagi kesalahan itu, boleh diusir atau diusir lagi, mengikut mana yang berkenaan, dari Negara Brunei Darussalam:

Dengan syarat bahawa tiada hukuman sebat boleh dikenakan kepada mana-mana orang yang dituduh di mahkamah sebelum permulaan kuat kuasa Perintah Akta Imigresen (Pindaan), 2020.”.

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 9 haribulan November, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.